



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
**ILMU FALAK DIPELAJARI,
WAKTU SOLAT DITEPATI**



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"ILMU FALAK DIPELAJARI, WAKTU SOLAT DITEPATI".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَالِقُ الْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ اللَّيْلَ سَكَنًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ حُسْبَانًا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ.¹	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "ILMU FALAK DIPELAJARI, WAKTU SOLAT DITEPATI".	6

¹ Al-An'am: 96.



Solat fardu adalah tiang agama dan juga rukun Islam kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah yang wajib ditunaikan oleh semua umat Islam. Sangat besar dosanya bagi sesiapa yang meninggalkan kewajipan solat fardu sehingga boleh mengakibatkan seseorang itu dihumban ke dalam neraka.	7
. Firman Allah SWT di dalam surah al-Muddassir ayat 42 dan 43: مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ. قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ.	8
<i>"(Setelah melihat orang yang bersalah itu, mereka berkata): Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar? Mereka menjawab, Kami tidak termasuk orang yang mendirikan solat."</i>	9
Kewajipan mendirikan solat terletak di atas setiap bahu umat Islam yang mukallaf sama ada lelaki mahupun wanita. Ibadah solat mestilah dilakukan dalam waktu yang telah ditetapkan menurut hukum syarak kerana antara syarat sah solat adalah, ia hendaklah dilaksanakan setelah masuk waktunya.	10
Hal ini berdasarkan firman Allah SWT menerusi surah al-Nisa' ayat 103: إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا.	11
<i>"Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang yang beriman."</i>	12



Ayat ini menjelaskan bahawa setiap solat mempunyai waktu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan ia bukan perkara yang boleh ditentukan mengikut kesesuaian atau kehendak manusia. Justeru itu, Islam memberikan perhatian yang sangat besar terhadap ilmu Falak, yang menekankan pelbagai perkara antaranya penentuan waktu solat.	13
Ilmu berkaitan penentuan batas-batas waktu solat adalah berdasarkan pergerakan matahari yang merujuk kepada satu titik tertentu. Perincian berkenaan batas-batas waktu solat telah dijelaskan melalui penentuan hukum syarak	14
bersandarkan kepada sebuah hadis sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr <i>Radiallahuanhu</i>, sabda Nabi SAW: وَقْتُ الظُّهْرِ إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ، وَكَانَ ظِلُّ الرَّجُلِ كَطَوْلِهِ مَا لَمْ يَحْضُرِ الْعَصْرُ،	15
<i>"Waktu Zuhur adalah apabila matahari tergelincir dan bayang-bayang seseorang menjadi sama panjang dengan badannya selagi mana waktu Asar belum tiba. (Riwayat Muslim).</i>	17
Semasa zaman Rasulullah SAW, penentuan waktu solat dilakukan melalui pemerhatian langsung terhadap matahari dan fenomena di langit. Penentuan waktu Subuh bermula ketika terbitnya fajar sadiq, iaitu munculnya warna putih yang mendatar di sebelah timur sehingga terbitnya matahari. Waktu Zuhur pula ditentukan apabila matahari bergerak melepasi kawasan tegak di atas kepala pada waktu tengahari menuju ke arah barat sehingga bayang-bayang sama panjang dengan objek tersebut. Begitulah juga dengan waktu-waktu solat yang lain dengan hanya melihat kepada tanda-tanda alam secara mata kasar.	18



Berbeza pula dengan konteks zaman sekarang terutamanya di negara kita ini, muncul pelbagai cabaran dan halangan bagi menentukan waktu solat dengan hanya melihat kepada tanda-tanda alam. Penggunaan mata kasar juga tidak lagi mampu untuk memerhati dan memastikan ketepatan waktu solat. Ini disebabkan oleh faktor tertentu seperti kehadiran awan dan pandangan ufuk yang terhalang oleh bangunan tinggi. Keadaan ini mengakibatkan bayang-bayang tidak dapat dilihat dengan jelas dan cahaya senja serta fajar sadiq sukar untuk diamati.	19
Walaupun begitu, melalui perkembangan ilmu Falak dan Astronomi membolehkan pengiraan waktu solat dibuat dengan lebih tepat dan sistematik berdasarkan kepada perhitungan trigonometri dan rumus matematik. Kemajuan ini bukan bertujuan mengubah syariat, tetapi membantu umat Islam melaksanakan tuntutan hukum syarak dengan lebih yakin dan teratur.	20
Di negeri Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui Bahagian Falak bertanggungjawab membantu menyebarkan ilmu Falak seperti menyediakan dan mengeluarkan jadual waktu solat. Penyediaan ini adalah melalui hasil kajian, pengiraan dan semakan yang teliti berdasarkan kaedah falak syarie yang diiktiraf. Jadual waktu solat yang dikeluarkan menjadi rujukan rasmi bagi seluruh masjid, surau dan masyarakat Islam di negeri ini.	21
Bagi negeri Selangor, penentuan waktu solat dibahagikan kepada tiga zon waktu solat, di mana beberapa daerah dihindungkan dalam satu zon dan menggunakan jadual waktu solat yang seragam. Bermula tahun 2027, penentuan waktu solat di negeri Selangor akan dibahagikan kepada sembilan zon, berdasarkan kepada sembilan daerah di negeri Selangor, dan pelaksanaan tersebut telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.	22



Pada kesempatan ini, mimbar mengucapkan syabas kepada seluruh umat Islam di negeri ini yang sentiasa peka dan cakna berkaitan ibadah solat khususnya pelaksanaan solat di awal waktu. Rujuklah kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor selaku pihak berautoriti, yang telah melakukan pemerhatian dan pengiraan yang mendalam bagi penetapan waktu solat. Waktu solat bukan sahaja perlu diberi perhatian ketika hendak solat sahaja, bahkan perlu diberi perhatian juga semasa bulan Ramadhan bagi mengetahui waktu berbuka puasa dan waktu tamatnya bersahur. Kesemua ini bagi menjamin ibadah yang dilakukan adalah sah dan diterima oleh Allah SWT.

23

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian kita:

1. Umat Islam mestilah menunaikan solat fardu setelah masuk waktunya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh hukum syarak.
2. Umat Islam dalam negeri ini perlu merujuk takwim waktu solat yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor.
3. Umat Islam hendaklah memberi perhatian yang sepenuhnya kepada waktu-waktu solat yang ditetapkan agar ibadah yang dilaksanakan khususnya ibadah solat fardu dan puasa adalah sah.

24

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْءَانَ الْفَجْرِ إِنَّ قُرْءَانَ
الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا.

25



“Dirikanlah solat ketika gelincir matahari hingga gelap malam dan (dirikanlah pula solat) subuh. Sesungguhnya solat subuh itu disaksikan (keistimewaannya).”

(Surah al-Isra’: 78).

26

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

27

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

28



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.²
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
7	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَاجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

² Al-Ahzab: 56.



8	اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
10	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
11	وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْثُ كُوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
12	اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
13	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.³	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19